

Peruntukan mula kajian projek PBC Pangkor RM2j

Dana bangukan Perak tahun depan mungkin ditambah: Azmin

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

Kampung Gajah: Pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC) membabitkan peruntukan keseluruhan RM486 juta menjadi antara projek berimpak tinggi akan dilaksanakan di Perak dalam Rancangan Ma-

laysia Ke-12 (RMKe-12).

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kerajaan negeri perlu membuat kajian segera ke arah melaksanakan usaha itu.

"Kementerian menyediakan peruntukan RM2 juta bagi memulakan kajian melaksanakan projek PBC di Pangkor."

"Keseluruhan peruntukan diperlukan untuk pembangunan PBC Pangkor adalah RM486 juta, namun hari ini kita setuju kerajaan negeri mulakan kajian awal.

"Daripada kajian awal ini kelak, kita dapat meneliti infrastruktur diperlukan dalam melaksanakannya," katanya kepada

pemberita selepas menghadiri Majlis Silaturahmi Menteri Hal Ehwal Ekonomi bersama Warga Peserta FELCRA Seberang Perak di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari dan Pengerusi FELCRA, Datuk Nageeb Wahab.

Mohamed Azmin berkata, peruntukan untuk kajian awal bagi pembangunan PBC Pangkor diluluskan serta-merta semalam.

Selain PBC Pangkor yang dibincangkan dalam pertemuan bersama Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pagi

semalam, beliau berkata, rancangan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) turut disentuh.

"Pembesaran LTSAS dibincang kerana ia sudah melebihi kapasiti ditetapkan, selain industri perkhidmatan air di Sungai Perak sebagai antara projek yang dapat menjamin pelaburan lebih besar," katanya.

Mohamed Azmin tidak menolak kemungkinan menambah peruntukan membabitkan pembangunan Perak tahun depan, seiring kedudukannya sebagai antara negeri penting menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).